

05 MAY 2002

Yong-SAPP/I (Bergambar)

BN SABAH PERLU ADA FORMULA KONGSI KUASA SEBELUM P/RAYA, KATA YONG

KOTA KINABALU, 5 Mei (Bernama) -- Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee hari ini menekankan perlunya Barisan Nasional (BN) negeri muncul dengan satu formula perkongsian kuasa dalam BN yang boleh diterima oleh semua pihak sebelum pilihan raya negeri akan datang.

Beliau berkata formula seperti itu adalah perlu untuk memberitahu rakyat akan konsep perkongsian kuasa yang boleh wujud selepas pilihan raya negeri.

"Mesti ada satu formula yang dipersetujui oleh BN Sabah supaya kita dapat maklumkan kepada rakyat ataupun untuk menawan hati mereka...itu perkara asas," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Kongres SAPP Ke 9 di Menara Tun Mustapha, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas cadangan beliau semalam yang BN Sabah boleh menerima pakai model perkongsian kuasa seperti di Sarawak sebagai alternatif kepada sistem penggiliran Ketua Menteri.

Yong yang membuat kenyataan itu di ucap tama semasa merasmikan konvensyen Pemuda dan Wanita SAPP semalam berkata, walaupun sistem penggiliran adalah baik, ia tidak akan kekal dalam jangka panjang dan jika ia dimansuhkan model perkongsian kuasa di negeri jiran merupakan alternatif yang sesuai.

Ditanya mengenai impak kenyataan beliau, Yong berkata: "SAPP hanya membuat cadangan untuk membuka jalan bagi perbincangan".

"Oleh kerana BN Sabah belum lagi memulakan apa-apa perbincangan mengenai hal itu...kami memulakannya tetapi kami tidak berkata sistem penggiliran perlu dikekalkan atau tidak ataupun hanya model Sarawak yang perlu dicontohi," katanya.

Sistem penggiliran itu diperkenalkan apabila BN mengambil alih tampuk pemerintahan Kerajaan Negeri pada Mac 1994 untuk membolehkan pemimpin-pemimpin masyarakat Bumiputera Islam, China dan Bumiputera Bukan Islam dilantik sebagai Ketua Menteri Menteri atas dasar penggiliran untuk dua tahun.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN, melakukan sedikit perubahan pada sistem itu tahun lepas apabila Datuk Chong Kah Kiat, yang mewakili masyarakat Cina dilantik ke jawatan itu.

Di bawah format baru, jawatan itu masih digilirkan bagi tempoh setiap dua tahun tetapi ia pemimpin Umno akan memegang jawatan itu berselang dengan setiap satu daripada dua lagi masyarakat itu.

Sebagai contoh, apabila penggal bagi masyarakat Cina berakhir pada Mac depan, jawatan itu akan berpindah ke Umno, selepas itu kepada Bumiputera bukan Islam dan kembali ke Umno.

Sementara itu, semasa bercakap kepada pemberita selepas menghadiri kongres SAPP, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Musa Aman yang juga Menteri Kewangan Negeri berkata yang Umno negeri sedia membincangkan sistem perkongsian kuasa termasuk penggunaan formula Sarawak.

"Kami sedia berbincang...bagi Umno, penduduk negeri lebih penting dan bagaimana kita boleh memberi khidmat kepada mereka," katanya.

Atas perkara ini, Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) Tan Sri Bernard Dompok berkata ia idea yang baik untuk dibincangkan.

"Saya rasa SAPP membuka perbincangan atas hasrat memperkukuhkan konsep perkongsian kuasa," katanya.

Bagaimanapun, Dompok berkata senario politik di Sabah dan Sarawak tidak

sama memandangkan BN Sabah telahpun membuka pintu bagi parti-parti  
Semenanjung sementara Sarawak tidak berbuat begitu.

-- BERNAMA

NT PR